



PEJABAT KETUA PENDAFTAR
Office of the Chief Registrar
MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA
Federal Court of Malaysia
ISTANA KEHAKIMAN
PRESINT 3
62506 PUTRAJAYA

Telefon : 03-8880 3500

Faks : 03-8880 3886

Laman Web : <http://www.kehakiman.gov.my>

Ruj. Tuan :
Your Ref :

Ruj. Kami :
Our Ref :

JK/MP 38 Jld 6

Tarikh :
Date : 30 Januari 2013

Semua Hakim
Mahkamah Sesyen
Seluruh Malaysia

Semua Majistret
Mahkamah Majistret
Seluruh Malaysia

Semua Pendaftar
Mahkamah Rendah

**ARAHAN AMALAN BIL 2 TAHUN 2013
PROSES MEDIASI BAGI KES-KES KEMALANGAN JALANRAYA DI
MAHKAMAH MAJISTRET DAN DI MAHKAMAH SESYEN**

Saya telah diarahkan oleh Yang Amat Anif Ketua Hakim Negara untuk memaklumkan bahawa semua kes kemalangan jalanraya di bawah Kod 73 di Mahkamah Majistret dan Kod 53 di Mahkamah Sesyen hendaklah terlebih dahulu melalui proses mediasi selepas plying ditutup.

2. Bagi tujuan tersebut, semua kes kemalangan jalanraya yang didaftar di Mahkamah hendaklah melalui proses pengurusan kes. Hakim Sesyen/Majistret/Pendaftar hendaklah menjalankan proses pengurusan sesuatu kes kemalangan jalanraya dengan menetapkan tarikh sebutan bagi memastikan urusan pemfalan plying dan dokumen adalah teratur. Dokumen asas yang perlu difailkan sebelum proses mediasi adalah sepertimana berikut:-

(Sila nyatakan rujukan kami apabila menjawab surat ini)

- i. Laporan awal perubatan
- ii. Rajah Kasar kemalangan
- iii. Laporan polis oleh kedua-dua pihak
- iv. Gambar (jika ada)
- v. Lain-lain dokumen sokongan

3. Semua kes kemalangan jalanraya hendaklah dirujuk kepada Pegawai Mediasi Mahkamah bagi menjalani proses mediasi dalam tempoh selewat-lewatnya **sepuluh (10) minggu** daripada tarikh kes difailkan. Pegawai Mediasi Mahkamah hendaklah menentukan samada pihak-pihak telah bersedia untuk menjalankan proses mediasi.

4. Di samping itu, Mahkamah boleh menetapkan tarikh bicara kes kemalangan jalanraya sebelum kes tersebut dirujuk ke Pegawai Mediasi Mahkamah sebagai persediaan awal sekiranya kes tersebut gagal diselesaikan. Bagi kes yang tidak memerlukan laporan pakar, perbicaraan hendaklah ditetapkan dalam bulan ke **empat (4) hingga ke enam (6)** dari tarikh kes difailkan. Sementara itu, bagi kes yang memerlukan laporan pakar, perbicaraan hendaklah ditetapkan dalam bulan ke **enam (6) hingga ke sebelas (11)** dari tarikh kes difailkan. Perbicaraan hendaklah diteruskan pada tarikh yang ditetapkan tersebut.

5. Bagi kes kemalangan yang tidak melibatkan penyediaan laporan pakar dan telah sedia untuk menjalani proses mediasi, kes tersebut hendaklah dirujuk terus kepada Pegawai Mediasi Mahkamah bagi diselesaikan sama ada di atas isu liabiliti ataupun kuantum. Jika kedua-dua isu berjaya diselesaikan, penghakiman bolehlah direkodkan dan fail ditutup. Sebaliknya jika satu isu sahaja berjaya diselesaikan, penghakiman akan direkodkan atas isu berkenaan sahaja. Bagi isu yang tidak dapat diselesaikan, kes hendaklah dihantar semula ke Mahkamah asal untuk perbicaraan. Proses kerja kes yang tidak melibatkan penyediaan laporan pakar adalah seperti di Lampiran A (untuk rujukan).

6. Sekiranya kes kemalangan melibatkan penyediaan laporan pakar, Mahkamah hendaklah mengarahkan pihak-pihak mendapatkan laporan tersebut dan memfailkan laporan tersebut dalam tempoh 3 bulan dari tarikh pliding ditutup. Sementara menunggu penyediaan laporan pakar tersebut, kes hendaklah dirujuk kepada Pegawai Mediasi Mahkamah untuk menjalani proses mediasi di atas isu liabiliti terlebih dahulu. Pegawai Mediasi Mahkamah hendaklah menjalankan proses mediasi di atas isu kuantum setelah mendapat semua laporan yang

berkaitan. Penghakiman bolehlah direkodkan jika proses mediasi berjaya dan fail ditutup. Jika mana-mana proses mediasi gagal, kes tersebut hendaklah dihantar ke Mahkamah asal untuk perbicaraan penuh. Proses kerja kes yang melibatkan penyediaan laporan pakar adalah seperti di **Lampiran B** (untuk rujukan).

7. Sekiranya pihak-pihak gagal untuk mendapatkan dan memfailkan laporan pakar dalam tempoh masa yang telah ditetapkan seperti di perenggan 6, mahkamah hendaklah meneruskan perbicaraan atau pihak-pihak boleh menarik balik kes dengan kebebasan untuk difailkan semula setelah mendapat laporan pakar berkaitan.

8. Pihak-pihak juga boleh menyelesaikan kes kemalangan jalanraya yang difailkan di mahkamah dengan cara merujuk kes mereka kepada mana-mana pihak lain yang menjalankan proses mediasi.

9. Arahan ini terpakai kepada semua Mahkamah Sesyen dan Mahkamah Majistret. Bagi mahkamah yang mempunyai seorang hakim/majistret sahaja, Pengarah Mahkamah Negeri bolehlah dari semasa ke semasa mengarahkan mana-mana pegawai kehakiman lain bertindak sebagai Pegawai Mediasi Mahkamah untuk melaksanakan proses mediasi pada tarikh dan masa yang difikirkan sesuai.

10. Arahan Amalan ini hanya terpakai kepada kes kemalangan jalanraya yang mula didaftarkan pada dan selepas 1 Mac 2013. Bagi kes kemalangan jalanraya yang didaftarkan sebelum tarikh tersebut, kes-kes tersebut adalah berjalan seperti biasa seperti mana yang telah dijadualkan.

11. Arahan Amalan ini berkuatkuasa mulai 1 Mac 2013.

Sekian terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

(AZIZAH BINTI KARIMUD)

Timbalan Ketua Pendaftar

(Menjalankan Tugas/Gugus Ketua Pendaftar)

Mahkamah Persekutuan Malaysia

30.1.2013